

**Azizan Minta Pengusaha Pusat Hiburan Di Kedah Patuhi Peraturan
Bernama
25 Julai, 2012**

ALOR SETAR, 25 Julai (Bernama) -- Menteri Besar Kedah Datuk Seri Azizan Abdul Razak meminta semua pengusaha pusat hiburan di negeri ini mematuhi peraturan yang ditetapkan kerajaan negeri, khususnya sepanjang Ramadan ini.

Beliau berkata pihaknya juga berharap agensi berkaitan dapat menjalankan aktiviti penguatkuasaan bagi mengawal serta memastikan pengusaha pusat hiburan mematuhi segala peraturan.

"Kita dah bagi arahan macam biasa, tak boleh beroperasi pada malam Jumaat dan sepanjang bulan puasa, ini (terhad) kepada orang bukan Islam sahaja," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco pada Rabu.

Bermula tahun lepas, Kedah menguatkuasakan Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1997 yang menegah orang Islam memasuki pusat hiburan di negeri ini sepanjang Ramadan.

Dalam perkembangan lain, Azizan berkata beliau menyerahkan kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk berbincang dengan pengurusan Underwater World Langkawi (UWWL) berhubung tunggakan cukai hiburan mereka yang mencecah RM5 juta.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=683140>

